

# Konvensyen Kepimpinan dan Variasi Budaya Asia Tenggara, 6 September depan

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Jun. - Konvensyen Kepimpinan dan Variasi Budaya Asia Tenggara Tahun 2019 menyatupadukan belia-belia di Asia Tenggara bagi membantu meningkatkan kesefahaman mereka dalam sejarah dan ketamadunan masyarakat.

Konvensyen akan berlangsung selama tiga hari bermula 6 September nanti.

Pengasas / Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management selaku Pengerusi Bersama Konvensyen, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan menjelaskan perkara tersebut pada sidang media di Dewan Silaturahim, Pusat Belia, di ibu negara.

Hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Pengerusi Bersama Konvensyen, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim berkata, antara objektif konvensyen itu adalah untuk memeriahkan lagi Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019.

Katanya, ia juga bertujuan bagi meningkatkan kemahiran berkepimpinan di kalangan peserta dan bagi menghargai kebudayaan masing-masing melalui pertukaran pandangan serta latar belakang.

Menurutnya, konvensyen berkenaan menyasarkan belia berusia 18 hingga 40 tahun, antaranya terdiri daripada ahli-ahli persatuan bukan kerajaan, majlis perwakilan pelajar dari institusi pengajian tinggi, para guru dan profesional-profesional muda.

Beliau menambah, konvensyen itu akan diisi dengan pelbagai aktiviti termasuk forum, lawatan ke tempat-tempat bersejarah,

kebudayaan dan masyarakat dan aktiviti *team building*.

Jelasnya, moto bagi konvokesyen berkenaan merangkumi daripada perkataan MUMTAZ (Meaningful, Unity, Merit, Tradition, Advancement, Zeal) yang bererti cemerlang, di mana ia adalah salah satu anjakan paradigma dan seruan kepada para belia di negara ini untuk memiliki enam aspek tersebut sebagai seorang pemimpin muda.

Konvensyen tersebut merupakan anjuran bersama Perspective Insan Academy, Al-Huffaz Management dan Al-Huffaz Leaders.

Pendaftaran penyertaan akan dibuka pada 21 Jun hingga 15 Ogos nanti bagi belia di negara ini, manakala untuk belia di Asia Tenggara pada 21 Jun hingga 31 Julai.

Maklumat lanjut boleh diperolehi di laman sesawang [www.salamconvention.com](http://www.salamconvention.com) atau di laman media sosial Instagram/Facebook/Twitter @salamconbn.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Pengerusi Bersama Konvensyen, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad (kiri) dan Pengasas / Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management selaku Pengerusi Bersama Konvensyen, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan hadir pada Sidang Media tersebut.

## Tingkat kepercayaan masyarakat terhadap PPDB



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong (kanan) hadir ke Sambutan Hari Raya Aidilfitri kelolaan Balai Polis Muara bersama ahli-ahli Pengawasan Kejaran (PK) di Dewan Serbaguna Balai Polis Muara, Turut hadir, Penguasa Polis Pengiran Haji Abd. Salam bin Pengiran Haji Abd. Ghani selaku Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 21 Jun. - Semangat kunjungan-mengunjungi pada bulan Syawal ini masih diteruskan di keempat-empat daerah dengan mengadakan kunjungan hari raya ke rumah-rumah ketua kampung di bawah tadahan balai masing-masing.

Kelmarin, Balai Polis Muara bersama ahli-ahli Pengawasan Kejaran (PK) mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Dewan Serbaguna Balai Polis Muara.

Hadir bagi sama-sama memeriahkan sambutan tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong.

Turut hadir, Penguasa Polis Pengiran Haji Abd Salam bin Pengiran Haji Abd Ghani selaku Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara; Pegawai Menguasa Balai Polis Muara, Penolong Penguasa Polis Zamri Salleh Haji Mahmud dan Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Muara, Inspektor Daniel @ Reynold Chin.

Daerah Polis Temburong juga tidak ketinggalan mengadakan kunjungan hari raya ke kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Siaran Akhbar dan Foto: Pasukan Polis Diraja Brunei

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok. Kunjungan tersebut diketuai oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Timbalan Penguasa Polis Pg. Muhaimin bin Pg. Haji Mustapha.

Turut serta dalam kunjungan tersebut, Pegawai Menguasa Balai Polis Bangar, Penolong Penguasa Polis Pengiran Anak Haji Azanuddin Aman Shah bin Pengiran Ismail Al-Haj bersama tujuh orang anggota dari Daerah Polis Temburong.

Majlis tersebut merupakan salah satu program pendekatan PK yang giat dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kemesraan dan kepercayaan masyarakat terhadap Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Dengan eratnya hubungan silaturahim ini, ia juga akan dapat dijadikan sebagai satu langkah bagi menyatupadukan penduduk kampung khususnya dan rakyat Negara Brunei Darussalam amnya dalam proses pembentukan negara yang aman dan harmoni.

Manakala, Balai Polis Limau Manis hari ini melalui Program PK juga mengadakan aktiviti sosial

dan kebajikan iaitu gotong-royong bersama ahli-ahli PK Kampung Bebuloh. Dengan adanya aktiviti sedemikian, ahli-ahli PK akan berkesempatan untuk berkumpul dan bekerjasama sambil berbingcang tentang perihal keadaan kampung.

Di samping itu, mereka dapat berkenalan antara satu dengan yang lain sekali gus lebih mengenali hati budi jiran mereka dengan lebih dekat dan mahabbah.

Program tersebut diketuai oleh Koperal 4044 Pg. Md. Iskandar Shah bin PDP Haji Salim bersama beberapa orang anggota balai.

Mewakili ahli PK, Ketua Kampung Bebuloh, Haji Muhd. Sa'id bin Tundak dan lapan orang ahli PK kampung tersebut.

Kempen dijalankan di sekitar kawasan Sekolah Rendah Kampung Bebuloh dengan tujuan untuk mengeratkan lagi tali silaturahim dan kerjasama di antara PPDB dan ahli-ahli PK kampung tersebut dalam memberi kesesuaian kepada masyarakat untuk membuat sebarang aktiviti sukan dan riadah setiap hari.

## Sertai Persidangan Antarabangsa Cohesive Societies

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**SINGAPURA,** Jumaat, 21 Jun. - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal baru-baru ini menghadiri Persidangan Antarabangsa Cohesive Societies (ICCS) yang julung-julung kalinya diadakan di Pusat Konvensyen Raffles City, Singapura.

ICCS yang membawakan tema 'Many Communities, One Shared Future' anjuran Sekolah Pengajian Antarabangsa S.Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang, Singapura dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia, Singapura serta Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) itu telah diadakan dari 19 hingga 21 Jun 2019.

Persidangan dimulakan dengan Majlis Makan Malam Perasmian dan Ucapan Perasmian daripada Presiden Republik Singapura, Puan Yang Terutama Halimah Yacob pada 19 Jun lalu. Diikuti dengan prosiding Persidangan pada 20 dan 21 Jun, yang menampilkan Ucaptama daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn Al Hussein, Raja Jordan dengan beberapa Sesi Plenari, Sesi Breakout, dan Pengalaman Komuniti.

Sebelum persidangan tersebut, Program Pemimpin Muda juga dijalankan dari 18 hingga 19 Jun 2019. Persidangan itu dihadiri lebih 1,000 peserta yang mewakili lebih 40 buah negara.

Turut menghadiri ICCS ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan Penolong Penyarah di Fakulti Usuluddin, UNISSA, Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (tengah) semasa menghadiri Persidangan Antarabangsa Cohesive Societies (ICCS) diadakan di Pusat Konvensyen Raffles City, Singapura. Turut hadir Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan Penolong Penyarah di Fakulti Usuluddin, UNISSA, Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.